



Ruj.: BEND20180801-KB1413

Tarikh: 01 Ogos 2018

PEKELILING BENDAHARI BIL. 04/2018

Semua Penolong Naib Canselor
Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Semua Pengawai
Universiti Utara Malaysia

Y. Berbahagia Dato' Seri/Prof/Dr./Tuan/Puan,

LAYANAN PERBELANJAAN YANG DIBUAT MELALUI KAD KREDIT KORPORAT SEBAGAI PENDAHULUAN DIRI DAN PROSEDUR BAYARAN BALIK KEPADA PIHAK BANK

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pekeling ini adalah bertujuan memaklumkan kepada semua pemegang kad kredit korporat tentang prosedur mengakaunkan perbelanjaan kad kredit korporat dan kaedah pembayaran balik perbelanjaan kepada pihak bank bagi tujuan mengelak universiti dikenakan caj lewat bayar.

3. Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Ke-247 Bil. 7/2018 telah bersetuju supaya semua perbelanjaan yang dibuat menggunakan kad kredit korporat dilayan sebagai pendahuluan diri pemegang kad tersebut.

4. Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, pemegang kad adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas setiap perbelanjaan yang dibuat menggunakan kad kredit korporat dan hendaklah memastikan semua bil/resit perbelanjaan sebenar dikemukakan kepada pejabat pembayar dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh perbelanjaan dibuat.

5. Pembayaran kepada pihak bank akan didahulukan oleh universiti bagi tujuan mengelak dikenakan caj lewat bayar dan akan diakaunkan sebagai pendahuluan (selepas ini akan disebut sebagai Pendahuluan Kad Kredit) ke atas nama pemegang kad berkenaan.

6. Pendahuluan Kad Kredit ini akan diselaras dengan bil/resit perbelanjaan asal yang dikemukakan oleh pemegang kad kepada pejabat pembayar.

7. Pemotongan gaji ke atas pemegang kad boleh dilaksanakan (tanpa notis) sekiranya bil/resit perbelanjaan asal tidak diterima oleh pejabat pembayar selepas tiga (3) bulan daripada tarikh perbelanjaan tersebut.

8. Perlaksanaan peraturan adalah berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"

"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah



(HJ. AMRON MAN)

Bendahari
Universiti Utara Malaysia

s.k : Yang Berbahagia Naib Canselor

: Yang Berusaha Timbalan-Timbalan Naib Canselor

: Edaran